

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** jelaskan berapa kawasan Parlimen yang akan mempunyai jumlah pemilih melebihi 100 ribu orang selepas Undi 18 dan pendaftaran automatik dilaksanakan. Apakah rancangan untuk memastikan bahawa tiada kawasan Parlimen yang mempunyai terlalu ramai pemilih berdasarkan perkembangan ini.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI, DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada Daftar Pemilih Tambahan Suku Tahun Kedua Tahun 2019, sebanyak **29 Bahagian Pilihan Raya Parlimen** sedia ada mempunyai jumlah pemilih melebihi 100,000 orang. Jumlah pemilih akan meningkat selepas Undi 18 dan pendaftaran pemilih secara automatik dilaksanakan. Walau bagaimanapun, maklumat bagi lain-lain Bahagian Pilihan Raya Parlimen hanya akan diketahui selepas pendaftaran ke atas pemilih yang berkaitan dilaksanakan.

2. Bagi tujuan memastikan sesebuah Bahagian Pilihan Raya Parlimen tidak mempunyai bilangan pemilih yang terlalu ramai, ia **hanya boleh dilaksanakan semasa urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya dijalankan**. Dalam hal ini, urusan kajian semula persempadanan terhadap bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada hanya boleh dilaksanakan selepas tamat lat tempoh 8 tahun atau terdapat pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri. Bagi maksud tersebut, lat tempoh 8 tahun bagi kajian semula persempadanan **Negeri Sarawak akan berakhir pada tahun 2023, Negeri Sabah pada tahun 2025** manakala **Negeri-Negeri Tanah Melayu pula pada tahun 2026**.

Sekian, terima kasih.